

28/01/1997

Semua wajar banteras budaya negatif

BUTTERWORTH, Isnin - Kerajaan Pulau Pinang akan meminta bantuan dan kerjasama semua pihak dalam usaha membanteras pelbagai bentuk hiburan dan permainan yang bercorak maksiat serta menonjolkan budaya negatif.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri, berkata masalah itu hanya boleh diatasi melalui penyertaan semua pihak.

"Saya berharap Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Maipp), pertubuhan Islam, persatuan penduduk, jawatankuasa khariah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memberi kerjasama bersepadu bagi menangani masalah ini," katanya mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Dr Mahathir Mohamad, supaya semua menteri besar dan ketua menteri bertindak tegas terhadap gejala buruk yang melanda generasi muda.

Shariff berkata, Pulau Pinang menghadapi masalah sosial yang serius dan percaya satu pendekatan yang bersepadu mampu mengatasinya.

Beliau berkata, program yang boleh menarik minat generasi muda berjinak dengan masjid perlu dijalankan.

(END)